

05 APR 2000

Mahathir-Hijrah

UMAT ISLAM MESTI BERANI UBAH NASIB, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam mesti sanggup bertindak mengubah nasib mereka walaupun terpaksa menghadapi bahaya.

Perdana Menteri berkata mereka juga perlu mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan Islam untuk membina kekuatan dan seterusnya menjayakan ummah.

Kedua-dua perkara itu adalah pengajaran penting peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW 1421 tahun dahulu dan ia adalah sunnah yang harus diikuti oleh umat Islam seluruhnya, katanya dalam perutusan sempena Maal Hijrah yang disambut esok.

"Bukan perarakan dan mempamerkan ayat-ayat al-Quran yang penting. Yang penting ialah pengajaran yang kita perolehi dari peristiwa itu," katanya.

Dr Mahathir berkata penghijrahan merupakan kesanggupan membuat perubahan dalam kehidupan untuk mengatasi masalah dan mencari kejayaan bagi sesuatu usaha di dunia.

Katanya, Nabi Muhammad telah menunjukkan contoh terbaik kepada umat Islam melalui peristiwa hijrah kerana walaupun baginda seorang Rasul pilihan dan boleh berdoa kepada Allah untuk mengembangkan Islam di Mekah tanpa sebarang masalah, baginda tidak berbuat demikian sebaliknya berhijrah ke Madinah.

"Peristiwa hijrah membuktikan dengan jelas bahawa Nabi juga tidak boleh hanya berdoa dan meminta sahaja dari Tuhan. Nabi juga perlu membuat tindakan tertentu untuk menyelamatkan umat Islam dan menjayakan perkembangan ajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika Rasulullah sendiri terpaksa berbuat sesuatu, apatah lagi penganut biasa agama Islam.

"Jika Nabi sanggup menghadapi cabaran dan bahaya besar kerana melintasi padang pasir yang luas dengan dikejar oleh musuh-musuh Islam, apakah kita orang Islam harus semata-mata berdoa, membuat ibadat untuk akhirat dengan tidak berusaha untuk memperbaiki nasib kita di dunia," katanya.

Penghijrahan dalam konteks sekarang, katanya, ialah berusaha memperbaiki nasib diri dan masyarakat Islam di negara ini dan masyarakat Islam dunia.

"Kita selalu cuba mengikut segala-gala yang dilakukan oleh Nabi sebagai sunnahnya dan penghijrahan merupakan satu daripada sunnah Nabi," katanya.

Dr Mahathir berkata, penghijrahan Nabi tidak terhad kepada berjalan dari Mekah ke Madinah tetapi sebab-sebab dan pendekatan yang dibuat oleh baginda untuk menyelamatkan umat dan agama Islam melalui peristiwa itu adalah juga sunnah.

Di zaman ini, umat Islam menghadapi banyak masalah seperti mereka tidak maju, lemah, kurang berpengetahuan, berpecah belah, tidak tahu mengaut rezeki, ditindas dan diperalat untuk memerangi orang lain, katanya.

"Jika kita terima penghijrahan Nabi sebagai sunnah, tentulah kita tidak hanya meminta-minta dari Allah untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam tetapi sebaliknya berusaha menyelamatkan dan memajukan diri kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, pemupukan persaudaraan Islam antara orang Muhajirin dan orang Ansar sehingga menjadikan masyarakat Islam kuat dan dapat mempertahankan diri daripada serangan orang musyrikin, juga merupakan pengajaran yang sangat baik daripada peristiwa hijrah itu.

Katanya, Arab jahiliah yang terbahagi kepada banyak suku kaum atau kabilah dan sering berperang sesama sendiri, yang menerima Islam dan persaudaraan Islam, telah muncul sebagai satu ummah yang dapat mendirikan sebuah empayar besar dan mengembangkan Islam dengan berkesan.

"Sebaliknya apabila mereka lupa kepada persaudaraan dalam Islam dan kembali berperang sesama sendiri, empayar merekapun hancur dan negara-negara Islam yang menjelma daripada perpecahan ini menjadi negara

yang kecil, lemah dan mudah ditindas oleh musuh-musuh," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam kini amat gemar menuduh bahawa perpecahan mereka adalah dirancang dan diusahakan oleh musuh-musuh Islam tetapi kenapakah mereka tidak menolak hasutan musuh-musuh itu.

"Sebenarnya mereka suka bermusuh sesama sendiri bahkan memihak kepada musuh-musuh Islam supaya mereka dapat bermusuh dengan orang Islam lain, sebab itu kebanyakan daripada mangsa yang terkorban kerana keganasan orang Islam adalah orang Islam juga.

"Yang amat menyedihkan ialah apabila sahaja orang Islam mendakwa mereka berjuang untuk agama Islam, maka orang Islam lain akan menjadi mangsa mereka. Di mana-mana sahaja mereka mendakwa berjuang untuk Islam akan menyebabkan orang Islam berpecah-belah dan menjadi lemah," katanya.

Dr Mahathir mengajak umat Islam negara ini menggunakan sambutan Maal Hijrah ini sebagai titik permulaan untuk mereka berusaha memperbaiki diri dan masyarakat.

-- BERNAMA

AFY MAI